

## UCAPAN PERDANA MENTERI DI JAMUAN MAKAN MALAM ANJURAN SYARIKAT PER-MODALAN KEBANGSAAN SEMPENA ULANG-TAHUNNYA YANG KE SEPULUH DI KUALA LUMPUR PADA 22<sup>HB</sup> DISEMBER, 1971

Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas jemputan kepada saya dan isteri saya menghadiri majlis jamuan yang diadakan bersempena dengan ulang tahun ke sepuluh Syarikat Permodalan Kebangsaan Berhad ini.

Seperti yang sama-sama dimaklum, Syarikat ini bermula sepuluh tahun dahulu dari hasrat beberapa orang yang asalnya bercadang hendak menjalankan perusahaan kecil sebagai pembekal minyak di Gombak Setia. Bagaimanapun, dari idea atau hasrat ini timbullah perbincangan-perbincangan yang serious dan mendalam, dan dengan nasihat-nasihat dari cerdik pandai kita yang berpengetahuan serta mempunyai semangat nasionalisma, idea yang kecil itu telah berkembang serta diberi sambutan hangat dari orang ramai. Jadi, bolehlah diibaratkan sebagai kata pepatah "Beting yang kecil lama kelamaan menjadi pulau".

Melihat lapuran perkembangan Syarikat ini, modal permulaan sebanyak \$50,000 pada tahun 1961, sekarang telah meningkat lebih enam setengah juta. Sedangkan hartanya pula meningkat dari lebih kurang \$300,000 pada mula-mulanya menjadi \$10 juta lebih pada hari ini.

Sukalah saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pemimpin-pemimpin Syarikat ini yang ada, dan yang sudah tiada bersama-sama kita lagi, atas kecekapan mereka mengendalikan perjalanan Syarikat ini. Begitu pula, tidak ketinggalan penasihat-penasihatnya yang memberikan panduan—and good advice—terutama mengenai pelaburan atau investment yang telah membawa keuntungan return yang lumayan setiap tahun.

**Saudara-saudara,**

Saya telah banyak kali bercakap tentang dasar Kerajaan hari ini dan matlamat-matlamat yang hendak kita capai dalam tempuh

satu jenarasi akan datang. Rasanya tidaklah perlu saya berpanjang lebar kerana saudara-saudara semua tentulah sudah mengkaji dengan mendalam Rancangan Lima Tahun Kedua setakat yang berkaitan dengan kegiatan-kegiatan Syarikat ini. Saya suka menegaskan lagi bahawa perindasterian amatlah penting bagi hari depan negara kita—in fact, to put it more strongly, industrialization is vital for our survival as a nation. Berpegang pada hakikat inilah Kerajaan mengambil langkah besar-besaran turut serta dalam bidang perindustrian, bahkan bertindak sebagai catalyst supaya mempercepatkan kemajuan perindustrian di kawasan luar bandar.

Dalam hubungan ini, saya sukacita melihat Syarikat Permodalan ini mengambil langkah yang radikal dan berani iaitu menyertai bidang perusahaan dan perindustrian secara langsung. Kita tidak harus berpuas hati dengan hanya memperoleh keuntungan-keuntungan besar dari “investment in stocks and shares” meskipun ini adalah lebih mudah dan sangat menguntungkan. Tetapi kita mesti lebih berani menghadapi “risks” kerana hanya dengan pengalaman-pengalaman seperti inilah kita boleh meninggikan business acumen di samping menambah bilangan executives kaum bumiputera.

Tidak syak lagi, langkah yang diambil oleh Syarikat ini turut serta menubuhkan Malaysia Explosives Sendirian Berhad membuka lembaran baru dalam sejarahnya kerana ini merupakan satu usaha atau industrial venture yang khusus dan strategic untuk kepentingan negara. Dengan adanya kilang peluru kita sendiri, dapatlah kita beransur-ansur meringankan beban negara dan tidak lagi bergantung pada orang lain mengenai keperluan bekalan bagi angkatan tentera.

Saudara-saudara,

Peluang-peluang perindasterian, baik yang besar mahupun yang sederhana, masih banyak dan terpulanglah pada Syarikat ini dan juga yang lain-lain mengambil inisiatif merebut peluang-peluang terbuka itu.

Bagi pihak Kerajaan, saya memberi jaminan bahawa inisiatif serta minat dari pihak swasta Melayu dan Bumiputra untuk mengambil bahagian dalam apa bidang jua akan diberi perhatian serta pertimbangan yang wajar dan saksama.

Hanya saya ingin mengingatkan kita hendaklah benar-benar jujur dan yakin serta ingin membuktikan kebolehan dan kesanggupan kita bersaing dengan pihak-pihak swasta lain—in fair competition—dan tidak terlalu mengharapakan keistimewaan. Bagaimanapun, dalam keadaan-keadaan tertentu, Kerajaan bersedia memberikan peluang-peluang seperti itu kepada pengusaha-pengusaha Melayu dan Bumiputra yang ada kemampuan dan kebolehan melaksanakannya.

Saudara-saudara,

Saya sekali lagi mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas kesempatan bersama-sama menyambut hari perayaan Syarikat ini. Kita berdoa semoga segala usaha kita itu diberkati Allah dan dengan keazaman dan kesungguhan minat, usaha-usaha kita hendak meninggikan taraf ekonomi serta memperbaiki kehidupan orang-orang Melayu dan Bumiputra amnya akan tercapai dengan penuh kejayaan.